

Landskap geologi Kompleks Migmatit Stong Kelantan

TANOT UNJAH¹, IBRAHIM KOMOO¹ & HAMZAH MOHAMAD²

¹Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Landskap geologi Kompleks Stong dikelaskan sebagai landskap pergunungan muda. Landskap geologi ini dicirikan oleh keunikan geologi seperti kehadiran batuan magmatit pelbagai jenis,

Warta Geologi, Vol. 28, No. 3, May–Jun 2002

struktur sisipan (*enclave*) dan kepelbagaian telarang serta keistimewaan lanskap seperti pembentukan puncak tor dan siri air terjun dan jeram yang mempunyai nilai estetik, rekreasi dan saintifik tinggi. Pembentukan lanskap ini dikaitkan dengan aktiviti magma secara dinamoterma yang luarbiasa membentuk batuan magmatik dan keindahan bentuk lanskap yang diukir oleh proses eksogen. Beberapa geotapak yang bernilai warisan tinggi dari segi estetik, rekreasi dan saintifik dalam lanskap ini telah dikenalpasti.